



- |  |
|--|
| <p><b>1. PENGURUS PENTAS<br/>JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI<br/>JABATAN PERDANA MENTERI<br/>C.1-2 EB.3 [\$1,280 - \$2,270 SEBULAN]<br/>KEKOSONGAN = 1</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Pengurus Pentas dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam peraturan Penerbitan.
4. Mempunyai minat dalam drama dan hiburan secara umum.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS PENTAS:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengurus Penerbitan Rancangan Tv.
2. Mengarah pergerakan di pentas studio semasa latihan kamera dan rakaman seperti yang diarahkan oleh Penerbit.
3. Memberi arahan dan isyarat kepada penyumbang-penyumbang dan artis-artis semasa rakaman dan latihannya.
4. Memastikan artis-artis hadir mengikut masa yang telah ditetapkan dan memakai pakaian dan bersolek seperti yang ditentukan.
5. Bersedia bertugas pada sebarang masa yang ditentukan termasuk di luar waktu pejabat, samada dalam studio mahupun di luar studio dan seumpamanya.
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.